

Pahang lancar tiga pusat siber MSC

BH - 18/5/2007

PAHANG bersedia menjadi pintu masuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi Pantai Timur berikutan pelancaran tiga pusat siber MSC Malaysia di negeri itu pada Oktober tahun ini.

Exconya, Datuk Mohd Sharkar Samsudin, yang juga pengerusi jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata pusat siber itu akan terletak di Kuantan, Tanjung Lumpur dan Gambang.

Beliau berkata, pusat di Kuantan bersedia menjadi hab komersial, pusat Tanjung Lumpur untuk hab pendidikan dan Gambang dijadikan hab ICT serta hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) bioteknologi.

Mohd Sharkar berkata, kerajaan negeri berharap melancarkan pusat siber pertama Oktober tahun ini.

“Ia akan bertindak sebagai pemangkin memandangkan ia akan menjadi pusat siber pertama Koridor Pantai Timur. Itulah sebabnya kami mengejar masa untuk memastikan ia mengikut jadual,” katanya di luar program mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia ke-10 di sini semalam.

Mohd Sharkar berkata, penubuhan pusat siber tepat pada masanya memandangkan negeri itu menempatkan hab perindustrian dengan kewujudan syarikat multinasional, termasuk yang terbabit dalam

petrokimia di Gebeng, serta automotif dan pertahanan di Pekan.

Beliau berkata, Pahang juga mempunyai institusi pengajian tinggi (IPT) seperti Universiti Malaysia Pahang yang menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan industri ICT.

Mohd Sharkar berkata, pusat siber itu dijangka menjana kira-kira RM170 juta dalam perolehan negeri.

Ketika ditanya mengenai jumlah pelaburan, beliau berkata, pada peringkat permulaan, kerajaan negeri akan menyumbang lebih ke arah pembangunan fizikal seperti bangunan, manakala sektor swasta memainkan peranan mewujudkan pusat siber itu. – Bernama